





[General](#)

UMPSA anjur Majlis Apresiasi Pementoran Sesi 2023/2024

10 September 2024

PEKAN, 3 September 2024 – Pusat Sejahtera, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni bersama Bahagian Pembangunan Sumber Manusia Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA), baru-baru ini telah menganjurkan Majlis Apresiasi Program Pementoran untuk Sesi 2023/2024.

Majlis itu bertujuan untuk memberikan penghargaan dan pengiktirafan kepada para mentor dan mentee yang telah menunjukkan komitmen dan kerjasama sepanjang tempoh enam bulan program tersebut.

Program Pementoran ini merupakan yang pertama kali dianjurkan di UMPSA.

Ia melibatkan seramai 21 orang mentor dan 27 orang mentee dalam kalangan staf akademik dan pelaksana.

Para mentor terdiri daripada ahli profesional yang berpengalaman dalam bidang masing-masing manakala mentee pula adalah staf baharu atau mereka yang baharu bertukar jabatan.



Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Naib Canselor UMPA, Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserrie Zainuddin.

Katanya, program pementoran ini merupakan salah satu inisiatif utama yang kami sokong sepenuhnya di UMPA.

“Saya amat menghargai komitmen luar biasa daripada para mentor sukarelawan yang telah memberikan bimbingan, sokongan, dan bantuan profesional kepada mentee terpilih.

“Usaha mereka tidak hanya berjaya meningkatkan produktiviti kerja di UMPA tetapi juga turut memajukan pembangunan peribadi dan profesional kedua-dua mentor dan mentee.

“Saya berharap dedikasi ini akan terus menjadi sumber inspirasi dan membuka peluang untuk kejayaan masa depan,” ujarnya.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Pendaftar, Dato' Saiful Bahri Ahmad Bakarim, Pengurus Kanan Jabatan Pendaftar, Tuan Haji Abdul Shukur Ishak, Pengarah Pusat Sejahtera JHEPA, Paridah Mohd Ali dan Pengurus Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Juliana Mohd Ali.

Program ini melibatkan penglibatan sukarelawan daripada para mentor yang berminat untuk memberikan bimbingan, sokongan, dan bantuan profesional kepada mentee terpilih bagi membantu

meningkatkan produktiviti kerja di UMPSA.

Pasangan Mentor Terbaik telah dimenangi oleh Dr. Mirta Widia sebagai mentor dan Dr. Norwahida [Yakub@Yaakub](#) sebagai mentee.

Disediakan Oleh: Muhammad Syamim Aiman Abd Hamid, Pusat Sejahtera, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni

TAGS / KEYWORDS

[Majlis Apresiasi Pementoran Sesi 2023/2024](#)

- 156 views

[View PDF](#)